

<p>PRODUCT DISCLOSURE SHEET</p> <p>Read this Product Disclosure Sheet before you decide to apply for <i>Pembiayaan Peribadi Awam-i</i> (“Facility”). Be sure to also read the Terms and Conditions of the Facility. Seek clarification from your institution if you do not understand any part of this document or the general terms.</p>	<p>CIMB Islamic Bank Berhad <i>Pembiayaan Peribadi Awam-i</i></p> <p>_____</p> <p>Date: _____</p>
<p>1. What is this product about?</p> <p>This is an unsecured personal financing where the profit is charged on a flat rate basis. This Facility must first be used to fully settle any of your existing <i>Pembiayaan Peribadi Awam-i</i> (“Awam-i”) with the Bank before the remaining of the Facility (if any) is disbursed to you. Awam-i is offered through salary deduction through the appointed service provider, Kadar Niaga Sdn. Bhd. (“KNSB”).</p>	
<p>2. Product Disbursement Details</p> <p>The financing facility can be disbursed and credited into your Savings or Current Account with CIMB Islamic Bank Berhad, CIMB Bank Berhad or other Financial Institution (If applicable).</p>	
<p>3. What is the Shariah concept applicable?</p> <p>The Facility is based on the Shariah concept of Commodity Murabahah or known as Tawarruq. A specific Shariah-compliant commodity will be identified and used as the underlying asset for sale and purchase transaction between the Customer(s) and the Bank for the purpose of availing the fund for the financing.</p>	
<p>4. What do I get from this product?</p> <p>Bank's Sale Price : RM _____</p> <p>Facility Amount : RM _____</p> <p>Profit Rate : ____% p.a. (Flat Rate)</p> <p>Tenure : 12 - 120 months</p> <p><i>*Please note Bank's Sale Price comprises of sum of Facility Amount and Profit Amount. The Bank's Sale Price, Facility Amount and Profit Rate above are indicative only. The final approved Bank's Sale Price, Facility Amount and Profit Rate may vary from the above and are subject to the Bank's approving criteria. The final approved Bank's Sale Price, Facility Amount and Profit Rate will be notified to you.</i></p> <p>Effective Profit Rate : It ranges from 6.40% p.a. to 7.32% p.a. depending on financing tenure</p> <p>Method of Payment : Salary deduction through <i>Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)</i></p> <p><i>*The Profit Amount calculated will be rounded up to nearest Ringgit upon approval, where applicable.</i></p>	

5. What are my obligations?

To pay monthly instalments of RM_____

Total amount payable until
end of tenure RM_____

**Please note your monthly instalment and the total amount payable until end of tenure above are indicative only. The final approved monthly instalment and the total amount payable until end of tenures may vary from the above and are subject to the Bank's approving criteria.*

6. What other charges do I have to pay?

Stamp Duty* : 0.5% of the approved Facility Amount (This is on one-off basis and will be deducted from Facility Amount)

**The Stamp Duty amount will be based on the approved facility amount which will be rounded up to nearest thousand.*

Agency (Wakalah) Fee : RM30 (This is on one-off basis and will be deducted from Facility Amount)

Participation Fee : RM30 (To be deducted on a monthly basis through *Biro Perkhidmatan Angkasa*)Monthly Collection Fee : 2% of monthly instalment in return of managing salary deductions (To be deducted on a monthly basis through *Biro Perkhidmatan Angkasa*)**7. Do I need any Takaful coverage?**

Takaful plan is not a mandatory requirement for the application of *Pembiayaan Peribadi Awam-i*. Currently, Takaful coverage is not available under *Pembiayaan Peribadi Awam-i* and you are encouraged to independently arrange for the relevant Takaful coverage.

8. Does the Bank require an Advance Payment?

The Bank does not require an Advance Payment under *Pembiayaan Peribadi Awam-i*.

9. What if I fail to fulfill my obligations?

- During the facility period prior to maturity: Compensation (Ta'widh) will be charged based on actual cost up to 1% p.a. on the monthly instalment amount in arrears.
- If the Facility is terminated before maturity, Compensation (Ta'widh) will be charged based on actual cost up to 1% p.a. on the monthly instalment amount in arrears up to the day payment is made or a day before judgment is obtained, whichever earlier.
- Beyond the maturity of the facility: Compensation (Ta'widh) will be charged based on actual cost up to the prevailing Islamic Interbank Money Market Rate on the balance Bank's Sale Price.
- The Bank may set-off any credit balance in your Savings or Current account maintained with CIMB Islamic Bank Berhad or CIMB Bank Berhad against any outstanding balance in the financing account by giving you seven (7) calendar days' prior notice.

- The Bank has the right to terminate or recall the Facility granted to you if you are unable to pay the Facility and/or to comply with your obligations under the terms and conditions of the Facility.
- Legal action will be taken against you if you fail to respond to reminder notices asking you to make payment of arrears and you will have to bear all costs of such legal actions.
- Please note that legal action taken against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive for you to obtain.

10. What if I fully settle the financing before its maturity?

Rebate (Ibra') will be granted upon early settlement or at the financing maturity, if any.

Calculation of Ibra'

Rebate (Ibra') Calculation	Payable Amount after Rebate (Ibra') Calculation
$\text{Rebate (Ibra')} = \left[\frac{n(n+1)}{N(N+1)} \right] \times \text{PM}$ <p>n = Remaining months to maturity N = Total Tenure of Financing (in Months) PM = Total Profit Margin</p>	Payable Amount : Outstanding Bank's Sale Price + Compensation (Ta'widh) + Other costs – Rebate (Ibra')

Sample Calculation:

Early Settlement in 60 months

Facility Amount : RM50,000
 Outstanding Bank's Sale Price : RM35,480
 Tenure : 10 years (120 months)
 Profit Rate : 4.2%
 $n = 120 - 60 = 60$ / $N : 10 \text{ years (120 months)}$ /
 $\text{PM} = (\text{RM}50,000 \times 4.2\% \times 10) : \text{RM}21,000$

Rebate (Ibra'):

$[60(60 + 1) / 120(120 + 1)] \times \text{RM}21,000 = \text{RM}5,293.39$

Total payable amount after Rebate (Ibra'):

$\text{RM}35,480.00 - \text{RM}5,293.39 = \underline{\text{RM}30,186.61}$

For full payment illustration and rebate (Ibra') calculation, please refer to any CIMB Islamic Bank Berhad branch, co-located at all CIMB Bank Berhad branches.

11. Do I need a guarantor or collateral?

No guarantee or collateral is needed.

12. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform the Bank of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

13. Where can I get assistance and redress?

If you have difficulties in making payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:

CIMB Islamic Bank Berhad - Customer Resolution Unit (CRU)

P.O. Box 10338
GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel: +603 6204 7788
Email: contactus@cimb.com

Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services relating to money management, credit counseling, financial education and debt restructuring for individuals. You can contact **AKPK** at:

Tingkat 5 and 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel: +603 2616 7766
Website: www.akpk.org.my

If you wish to make a complaint on the products or services provided by us, you may contact us at :

CIMB Islamic Bank Berhad - Customer Resolution Unit (CRU)

P.O. Box 10338
GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel: +603 6204 7788
Email: contactus@cimb.com

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact **Bank Negara Malaysia LINK** or **TELELINK** at:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

14. Other personal financing packages available:

Nil

IMPORTANT NOTE:

- I. **LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON YOUR PERSONAL FINANCING.**
- II. **SHOULD YOU REQUIRE THE LATEST INFORMATION / UPDATES OF THIS PRODUCT DISCLOSURE SHEET, KINDLY REFER TO OUR BANK PERSONNEL.**

The information provided in this Product Disclosure Sheet is updated as at DD/MM/YYYY.

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK Baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon Pembiayaan Peribadi Awam-i (“Kemudahan”). Sila baca Terma-terma & Syarat-syarat Am Kemudahan. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi anda sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma am.	CIMB Islamic Bank Berhad Pembiayaan Peribadi Awam-i Tarikh: _____
1. Apakah produk ini? Produk ini adalah pembiayaan peribadi tanpa cagaran dan kadar keuntungan dikira berdasarkan kadar rata. Kemudahan ini hendaklah terlebih dahulu digunakan untuk menyelesaikan dengan sepenuhnya sebarang Pembiayaan Peribadi Awam-i (“ Awam-i ”) yang sedia ada dengan Bank sebelum baki Kemudahan (jika ada) dilepaskan kepada anda. Awam-i ini ditawarkan melalui pemotongan gaji melalui penyedia perkhidmatan yang dilantik iaitu Kadar Niaga Sdn. Bhd. (“ KNSB ”).	
2. Butiran Pengeluaran Produk Pembiayaan boleh dikeluarkan dan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan atau Akaun Semasa milik anda dengan CIMB Islamic Bank Berhad, CIMB Bank Berhad atau Institusi Kewangan lain (<i>Jika berkenaan</i>).	
3. Apakah konsep Syariah yang terpakai untuk produk ini? Kemudahan ini adalah berdasarkan konsep Syariah iaitu Komoditi Murabahah atau dikenali sebagai Tawarruq. Komoditi patuh Syariah yang khusus akan dikenal pasti dan digunakan sebagai aset dasar bagi transaksi jual beli antara Pelanggan dan Bank bagi tujuan menyediakan dana untuk pembiayaan.	
4. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini? Harga Jualan Bank : RM _____ Jumlah Kemudahan : RM _____ Kadar keuntungan : ____ % setahun (Kadar Tetap) Tempoh Pembiayaan : 12 - 120 bulan <i>*Sila ambil maklum bahawa Harga Jualan Bank terdiri daripada Jumlah Kemudahan dan Jumlah Keuntungan. Harga Jualan Bank, Jumlah Kemudahan dan Kadar Keuntungan di atas adalah indikatif sahaja. Harga Jualan Bank, Jumlah Kemudahan dan Kadar Keuntungan yang diluluskan secara muktamad mungkin berbeza daripada di atas dan adalah tertakluk kepada kriteria kelulusan Bank. Harga Jualan Bank, Jumlah Kemudahan dan Kadar Keuntungan yang akhirnya diluluskan akan dimaklumkan kepada anda.</i> Kadar Keuntungan Efektif : la adalah di antara 6.40% setahun hingga 7.32% setahun bergantung kepada tempoh pembiayaan Cara Pembayaran : Potongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA)	

**Jumlah Keuntungan yang dikira akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit terdekat apabila diluluskan, jika berkenaan.*

5. Apakah tanggungjawab saya ?

Ansuran bulanan anda RM _____

Jumlah amaun yang perlu
dibayar sehingga tamat
tempoh pembiayaan RM _____

**Sila ambil maklum bahawa ansuran bulanan anda dan jumlah amaun yang perlu dibayar sehingga tamat tempoh pembiayaan di atas adalah indikatif sahaja. Ansuran bulanan dan jumlah amaun yang perlu dibayar sehingga tamat tempoh pembiayaan yang diluluskan secara muktamad mungkin berbeza daripada di atas dan adalah tertakluk kepada kriteria kelulusan Bank.*

6. Apakah caj lain yang perlu saya bayar?

Duti Setem : 0.5% daripada Jumlah Kemudahan yang diluluskan (Ini adalah atas dasar sekali sahaja dan akan ditolak daripada Jumlah Kemudahan)
**Amaun Duti Setem akan berdasarkan jumlah kemudahan yang diluluskan yang akan dibundarkan ke atas ribuan terdekat.*

Fi Wakalah : RM30 (Ini adalah atas dasar sekali sahaja dan akan ditolak daripada Jumlah Kemudahan)

Fi Penyertaan : RM30 (Akan ditolak pada setiap bulan melalui Biro Perkhidmatan Angkasa)

Fi Kutipan Bulanan : 2% daripada jumlah ansuran setiap bulan sebagai balasan menguruskan potongan gaji (Akan ditolak pada setiap bulan melalui Biro Perkhidmatan Angkasa)

7. Perlukah saya mengambil perlindungan Takaful?

Pelan Takaful tidak diwajibkan untuk permohonan Pembiayaan Peribadi Awam-i. Buat masa ini, perlindungan Takaful tidak disediakan bagi Pembiayaan Peribadi Awam-i dan anda disarankan untuk mendapatkan sendiri perlindungan Takaful yang berkaitan.

8. Adakah Bank memerlukan Bayaran Pendahuluan?

Bank tidak memerlukan Bayaran Pendahuluan di bawah Pembiayaan Peribadi Awam-i.

9. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

- Dalam tempoh kemudahan sebelum matang : Pampasan (Ta'widh) akan dikenakan atas dasar kos sebenar sehingga 1% setahun daripada jumlah tunggakan ansuran bulanan.

- Sekiranya Kemudahan ditarik balik sebelum matang, Pampasan (Ta'widh) akan dikenakan atas dasar kos sebenar sehingga 1% setahun ke atas jumlah tertunggak ansuran bulanan sehingga hari pembayaran dibuat atau sehari sebelum penghakiman diperolehi, yang mana lebih awal.
- Selepas tempoh kemudahan matang: Pampasan (Ta'widh) akan dikenakan atas dasar kos sebenar sehingga Kadar Pasaran Wang Islam Antara Bank (Islamic Interbank Money Market Rate) yang terpakai di atas baki Harga Jualan Bank.
- Bank boleh menolak sebarang baki kredit dalam akaun Simpanan atau Semasa anda yang dikendalikan dengan CIMB Islamic Bank Berhad atau CIMB Bank Berhad terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini dengan memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar kepada anda.
- Bank mempunyai hak untuk menamatkan atau menarik balik Kemudahan yang diberikan kepada anda jika anda tidak dapat membayar Kemudahan dan / atau mematuhi kewajipan anda di bawah terma dan syarat Kemudahan.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal menjawab notis peringatan yang meminta anda untuk membuat pembayaran tunggakan dan anda perlu menanggung semua kos tindakan undang-undang tersebut.
- Sila ambil maklum tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penarafan kredit anda yang membawa kepada kredit menjadi lebih sukar atau tidak mudah untuk anda dapatkan.

10. Bagaimana jika saya menjelaskan pembiayaan sepenuhnya sebelum tempoh matang?

Rebat (Ibra') akan diberikan selepas penyelesaian awal atau pada tempoh pembiayaan, jika ada.

Cara pengiraan Rebat (Ibra') :

Pengiraan Rebat (Ibra')	Jumlah Yang Perlu Dibayar Selepas Pengiraan Rebat (Ibra')
$\text{Rebat (Ibra')} = \left[\frac{n(n+1)}{N(N+1)} \right] \times \text{PM}$ <p>n = Baki bulan sehingga matang N = Jumlah Tempoh Pembiayaan (dalam Bulan) PM = Jumlah Margin Keuntungan</p>	Jumlah Yang Perlu Dibayar: Baki Harga Jualan Bank + Pampasan (Ta'widh) + Kos lain – Rebat (Ibra')

Contoh Pengiraan :

Penyelesaian awal dalam 60 bulan

Jumlah Kemudahan : RM50,000
 Baki Harga Jualan Bank : RM35,480
 Tempoh : 10 tahun (120 bulan)
 Kadar Keuntungan : 4.2%
 $n = 120 - 60 = 60$ / $N : 10$ tahun (120 bulan) /
 $\text{PM} = (\text{RM}50,000 \times 4.2\% \times 10) : \text{RM}21,000$

Rebat (Ibra'):

$\left[\frac{60(60+1)}{120(120+1)} \right] \times \text{RM}21,000 = \text{RM}5,293.39$

Jumlah Penyelesaian selepas Rebat (Ibra'):

$\text{RM}35,480.00 - \text{RM}5,293.39 = \underline{\text{RM}30,186.61}$

Untuk ilustrasi pembayaran penuh dan pengiraan rebat (Ibra'), sila rujuk ke mana-mana Cawangan CIMB Islamic Bank Berhad, ditempatkan bersama di semua cawangan CIMB Bank Berhad.

11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Penjamin atau cagaran tidak diperlukan.

12. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.

13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat dan bantuan lanjut?

Jika anda mengalami masalah membuat pembayaran, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan alternatif bagi pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

CIMB Islamic Bank Berhad - Unit Resolusi Pelanggan

Peti Surat 10338,
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel: +603 6204 7788
Email: contactus@cimb.com

Secara alternatif, anda boleh meminta perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi **AKPK** di:

Tingkat 5 and 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel: +603 2616 7766
Laman Web: www.akpk.org.my

Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

CIMB Islamic Bank Berhad - Unit Resolusi Pelanggan

Peti Surat 10338,
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel: +603 6204 7788
E-mel: contactus@cimb.com

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami dengan memuaskan, anda boleh menghubungi **Bank Negara Malaysia LINK** atau **TELELINK** di :

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

14. Pakej pembiayaan peribadi lain yang ditawarkan ialah:

Tiada

NOTA PENTING:

- I. TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA.**
- II. SEKIRANYA ANDA MEMERLUKAN MAKLUMAT TERKINI / KEMASKINI MENGENAI LEMBARAN PENERANGAN PRODUK INI, SILA RUJUK KEPADA WAKIL BANK KAMI**

Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Penerangan Produk ini dikemas kini pada DD/MM/YYYY.